




Makam **Hang Tuah** di Tanjung Keling, Melaka.

[FOTO KHAIRUL HELMY/ BH]



Khamis menunjukkan **potongan kayu lama** yang ditemui di dasar Perigi Hang Tuah di Masjid Kampung Duyong, Melaka.

[FOTO MOHD FAHMI MOHAMED DIAH/ BH]



B/H 25/12/12. ms 1

Hang Tuah wujud!

» *UKM uji kayu lama yang ditemui dalam perigi lama*

Oleh Mohd Fahmi Mohamed Diah
bhnews@bharian.com.my

► Melaka Tengah

Sebatang kayu lama yang ditemui dalam sebuah perigi di Duyong, dekat sini, akan dikaji bagi membantu mengesahkan kewujudan pahlawan Hang Tuah.

Kajian itu akan dilakukan sekumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selepas memperoleh sampel kayu terbabit dari perigi berkenaan baru-baru ini.

Proses mendapatkan potongan kayu itu dilakukan

pasukan penyelidik dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dari sebuah perigi, di kawasan Masjid Jamek Duyong.

Wakil penyelidik, Khamis Mohamad, berkata ujian pengesahan kayu itu akan dilakukan secara saintifik menerusi satu ujian Karbon-14 di Paris, Perancis.

Bukti kewujudan Hang Tuah

Katanya, sampel kayu itu dipercayai berfungsi sebagai tiang pancang di tengah-tengah tempat itu dan ia digunakan ketika zaman Hang Tuah.

"Kami akan menjalankan kajian untuk mengetahui usia sebenar kayu ini melalui ujian Karbon-14. Ia bagi mengenal pasti sama ada kayu ini selari dengan zaman terbabit bagi mengaitkannya dengan kewujudan Laksamana Melaka itu.

"Ini kerana ada pendapat me-

ngatakan kita tiada bukti kukuh berkaitan kewujudan pahlawan Hang Tuah ini," katanya kepada BH.

“*Mengikut fakta sejarah, Hang Tuah wujud sekitar 600 tahun dulu*”

Khamis Mohamad,
Wakil penyelidik

Khamis berkata, kajian awal pihaknya mendapati sampel kayu itu digunakan sebagai alat mengangkut tanah dari dasar perigi untuk dikeluarkan dari situ.

Katanya, kayu berkenaan yang mula disedari kewujudannya pada awal 1970-an, dipercayai masih tertanam kukuh di bawah dasar.

"Mengikut fakta sejarah, Hang Tuah wujud sekitar 600 tahun dulu. Ini bermakna hayat kayu ini berkemungkinan lebih lama atau mungkin juga ia kayu baru. Ini yang kita perlu kenal pasti.

"Diharapkan menerusi ujian di Paris kelak, ia akan dapat membantu merungkaikan per-

soalan ini," katanya.

Menyelam tiga jam

Dalam pada itu, BH dimaklumkan proses mendapatkan sampel kayu berkenaan dilakukan dengan bantuan beberapa anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Melaka menerusi aktiviti penyelaman selama lebih tiga jam.

Proses itu turut dipantau Pengerusi Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Duyong (PESAWAD), Khalid Hussin bersama beberapa ahli jawatankuasanya. Kedalaman perigi berkenaan dianggarkan 4.57 meter.

Khamis berkata, anggota bomba dan penyelamat terbabit terpaksa mengambil masa agak lama bagi mengesan kayu berkenaan kerana letaknya di dasar perigi.

Katanya, pemeriksaan awal mendapati keadaan fizikal luaran kayu ini nampak sudah reput, namun warna dan struktur dalamannya masih kukuh.

Kajian manfaat generasi muda

Pengerusi Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Duyong (PESAWAD), Khalid Hussin (**gambar**), berkata pihaknya menyambut baik usaha penyelidikan ke atas kayu terbabit.

Katanya, ia sekali gus mengukuhkan fakta berkaitan kewujudan Hang Tuah, khususnya untuk pengetahuan generasi hari ini.

Bukti sejarah Melayu

"Usaha penyelidikan secara saintifik seperti ini wajar bagi membuktikan fakta sejarah Melayu berkaitan zaman Kesultanan Melayu Melaka tidak boleh dipertikaikan.

"Panjang asal kayu ini dipercayai sekitar antara 10 (3.05 meter) hingga 12 kaki (3.66 meter) sebelum ia dipotong sedikit demi sedikit oleh pelbagai pihak dipercayai bagi tujuan perubatan dan tidak kurang juga sebagai amalan khurafat, manakala yang masih tertanam di dasarnya adalah kira-kira 2 kaki (0.61 meter).

"Menariknya, perigi itu tidak pernah kering sejak dulu biarpun negeri ini pernah mengalami krisis air pada awal 1990-an," katanya.

